



PELAJAR diploma Kolej ShahPutra melafazkan ikrar di Panggung Percubaan UPM, Serdang, semalam.
- Gambar oleh Afendi Mohamed

(67)

836 pelajar Kolej ShahPutra baca ikrar

SERAMAI 836 pelajar Kolej ShahPutra, Kuantan, yang mengikuti program francais Universiti Putra Malaysia (UPM) menghadiri majlis membaca ikrar di Panggung Percubaan universiti itu di Serdang, semalam.

Bacaan ikrar pelajar semester tiga dan empat Diploma Sains Komputer dan Diploma Pengurusan Perniagaan itu diketuai Mohd Sufi Zainal Abidin.

Turut hadir, Pengarah Pusat Pendidikan Luar, UPM, Prof Dr Abdul

Aziz Saharee dan Pengarah Urusan Kolej ShahPutra, Suziati Idham.

Pengarah Jabatan Perhubungan Mahasiswa, Kolej ShahPutra, Sallie Yanti Idham, berkata majlis tradisi itu diadakan sebagai komitmen Kolej ShahPutra dalam usaha mendidik pelajar berdisiplin, mempunyai peribadi mulia dan berwibawa.

"Majlis ini juga untuk meningkatkan lagi semangat pelajar, selain mengajak mereka menghayati ikrar yang dibaca bagi melaksanakan

tanggungjawab, sekali gus mencapai kecemerlangan dalam bidang masing-masing.

"Pelajar adalah aset penting bagi mengharumkan nama universiti. Justeru, mereka perlu berusaha untuk muncul graduan berdaya saing dan berpotensi," katanya.

Sempena majlis berkenaan, pelajar terabit turut melawat beberapa fakulti bagi melihat dan merasai sendiri suasana pembelajaran di kampus UPM.